

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP-PERCUBAAN) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS KOMPUTER UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI DS13 / DS14 / GRED KHAS C

BIDANG

- i. Kecerdasan Buatan
- ii. Rangkaian dan Keselamatan Komputer
- iii. Kejuruteraan Perisian

KELAYAKAN

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam **Sains Komputer atau bidang berkaitan** daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, **DAN**
- ii. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang **Kecerdasan Buatan ATAU Rangkaian dan Keselamatan Komputer ATAU Kejuruteraan Perisian** atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, **DAN**
- iii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI GRED KHAS C (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS.

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** lima (5) penerbitan (berindeks) bab buku penyelidikan/buku penyelidikan.

DAN

- Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.
- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/industri/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan **SELESAI** sebagai Penyelidik Utama (PI). Menjadi Penyelidik Utama (PI) sekurang-kurangnya satu(1) tahun dengan dana kumulatif minimum RM200,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.

- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research*/latihan/perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti/Industri yang disahkan **SELESAI** dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS.

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan (berindeks) bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/industri/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan **SELESAI** sebagai Penyelidik Utama (PI). Menjadi Penyelidik Utama (PI) sekurang-kurangnya satu (1) tahun dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan/antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research*/latihan/perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti/Industri yang disahkan **SELESAI** dengan dana kumulatif minimum RM40,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman industri minimum tiga (3) tahun / pasca doktoral minimum dua (2) tahun.

KRITERIA TAMBAHAN

- i. Menunjukkan sifat kreatif, inovatif serta berdedikasi sebagai pendidik dan penyelidik.
- ii. Memiliki kesihatan emosi yang baik, bersikap positif dan sanggup menghadapi cabaran untuk kecemerlangan diri dan universiti.
- iii. Calon akan diberi keutamaan sekiranya mempunyai:
 - a. Berpengalaman menguruskan program akademik dan menerajui projek penyelidikan.
 - b. Berpengalaman menguruskan pengambilan/promosi program sarjana muda dan pascasiswazah.

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Bertanggungjawab sebagai pensyarah program pengajian yang ditawarkan di Pusat Pengajian Sains Komputer, USM.
- ii. Menyelia pelajar PhD, MSc dan pra-siswazah dan menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang kepakaran dan menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks WoS [Q1/Q2].
- iii. Melibatkan diri dalam perkhidmatan analisis yang ditawarkan kepada pihak industri, perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.
- iv. Menyempurnakan tugas-tugas seperti mana yang dikehendaki oleh Ketua Jabatan.

CARA MEMOHON

Sila majukan secara emel butiran jaya diri (CV) sijil akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **30 April 2026** kepada:

**Dekan
Pusat Pengajian Sains Komputer
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Emel: cs@usm.my**

*Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga